



Ruj.Kami : JPA.BK(S) 134/4/8-5 Jld.5 (79)

Tarikh : 15 Oktober 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN / OPERASI) [PT(P/O)] GRED N26 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] Gred N26. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat PT(P/O) Gred N22 yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- 2.1 Telah dinaikkan pangkat sebagai PT(P/O) Gred N22 pada **31 Disember 2011 dan sebelum;**
- 2.2 Tidak Hilang Kekananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N22 berubah ke tarikh 1 Januari 2012 dan seterusnya;
- 2.3 Markah LNPT tahun terkini (2020) dan wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2018, 2019 dan 2020) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada Tindakan atau Hukuman Tatatertib;
- 2.7 Bebas disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi Pinjaman Pendidikan; dan
- 2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua pegawai yang layak dipertimbangkan bagi urusan ini perlu melengkapkan maklumat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B, Lampiran C dan Lampiran D** seperti disertakan. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian / Jabatan / Agensi hendaklah melengkapkan maklumat pegawai terlibat berdasarkan format yang dilampirkan di **Lampiran E** dan mengemukakan ke **Bahagian Perkhidmatan, JPA di alamat e-mel seperti di perenggan 5** dan juga mengemukakan **semua Lampiran (A, B, C dan D)** berkenaan **sebelum atau pada 17 November 2021** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nur Sara Que Zana binti Abdullah)

4. BPSM Kementerian / Jabatan / Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan juga perlu memastikan **hanya maklumat pegawai yang layak dipertimbangkan sahaja** seperti dinyatakan di **Perenggan 2** dikemukakan ke **Bahagian Perkhidmatan, JPA**. Selain itu, BPSM perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan maklumat yang dicatatkan di dalam buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh pihak BPSM boleh menyebabkan urusan pemangkuan pegawai tersebut **tidak dipertimbangkan**. Maklumat pegawai yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima** tidak akan diproses.

5. Bersama-sama ini disertakan Prosedur Urusan Persediaan Pengisian Kekosongan Jawatan PT(P/O) Gred N26 Perkhidmatan Gunasama Persekutuan seperti di **Lampiran 1** untuk panduan dan rujukan. Sebarang pertanyaan berhubung urusan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

- i. Tuan Syed Zahrin bin Syed Abdul Rani - 03-88854943
zahrin.rani@jpa.gov.my
- ii. Cik Nur Hafizah binti Sazali - 03-88854320
hafizah.sazali@jpa.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENERAJU PEMBAHARUAN, PENGGERAK PERUBAHAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(NUR SARA QUE ZANA BINTI ABDULLAH)

Cawangan Pengurusan Perkhidmatan Gunasama

Bahagian Perkhidmatan


b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA

 : 03-8885 4110

 : nursara.abdullah@jpa.gov.my

**PROSEDUR URUSAN PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN
JAWATAN PT(P/O) GRED N26 PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**



**JUMLAH KEKOSONGAN SEMASA BAGI JAWATAN PT(P/O) GRED N26
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Bil	Negeri	Kekosongan Semasa
1.	Perlis	0
2.	Kedah	0
3.	Pulau Pinang	0
4.	Kelantan	0
5.	Terengganu	0
6.	Pahang	0
7.	Perak	0
8.	Selangor	1
9.	WP Kuala Lumpur	1
10.	WP Putrajaya	1
11.	Melaka	0
12.	Negeri Sembilan	0
13.	Johor	3
14.	Sabah	0
15.	Sarawak	0
16.	WP Labuan	0
Jumlah		6

**Dikemaskini sehingga 14 Oktober 2021*